

**DAP persoal Chromebook mahal RM200 daripada harga pasaran
Malaysian Insider
July 16 , 2013
OLEH MOHD FARHAN DARWIS**

DAP hari ini mempersoalkan harga komputer riba Chromebook dibayar Kementerian Pendidikan kepada syarikat YTL Corporation Bhd yang lebih mahal RM200 berbanding harga pasaran.

Ahli Parlimen Bukit, Bendera Zairil Khir Johari berkata semakan yang dilakukannya terhadap harga komputer riba dengan aplikasi "cloud" itu menunjukkan Malaysia membelinya pada harga lebih tinggi, berbanding harga di negara Barat.

"Pada masa sama, tidakkah kementerian akan mendapatkan tawaran yang lebih baik jika mereka membeli Chromebook terus daripada pengeluar, sama ada Samsung atau Acer?" katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Katanya, daripada semakannya, beliau mendapati harga runcit Samsung Chromebook dengan Wi-Fi dijual pada harga RM988 di Malaysia, manakala unit dengan 4G dijual pada harga runcit RM1,299.

"Persoalan timbul mengapa kementerian membayar RM1,200 untuk Samsung Wi-Fi apabila unit yang sama dijual hanya pada harga RM988?"

"Malah, pastinya kementerian akan mendapat diskaun yang besar dengan pesanan berjumlah 116,399 unit dan bakal membeli lagi 5.4 juta unit lebih sejajar dengan program '1 Student 1 Device'.

"Ini bermakna kos keseluruhan akan mencecah RM6.6 bilion bagi kesemua 5.5 juta murid pada harga RM1,200 setiap unit," katanya.

Beliau turut mengingatkan sebahagian besar daripada kos di atas akan berulang, khususnya kos pelesenan dan penyenggaraan.

Zairil berkata, selain projek Chromebook yang diserahkan kepada YTL, syarikat berkenaan turut memperolehi dua lagi projek daripada kementerian berkenaan iaitu pemasangan jalur lebar 4G berkelajuan tinggi di bawah program 1BestariNet ke semua sekolah dengan nilai RM663 juta bagi kontrak 2.5 tahun.p>

YTL juga, katanya, dianugerahkan projek Pelantar Pembelajaran Maya (VLE) untuk guru, pelajar dan ibu bapa bernilai RM250.5 juta untuk yuran pelesenan bagi suatu jangka masa tetap dan RM262.8 juta bagi kos pengurusan dan penyenggaraan. - 16 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-persoal-chromebook-mahal-rm200-daripada-harga-pasaran>

